



JABATAN KETUA MENTERI
CHIEF MINISTER DEPARTMENT
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA.



Telefon : +6088-369 900
: +6088-369 901
Faksmile : +6088-211 016
Laman Web : skn.sabah.gov.my

Rujukan : JPAN 700-1/83 (22)
Tarikh : 16 Februari 2026

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**WAKTU BEKERJA DALAM BULAN RAMADAN TAHUN 1447H/2026M BAGI
PEGAWAI WANITA BERAGAMA ISLAM YANG TELAH BERKAHWIN**

Dengan hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi kebenaran pulang awal dalam bulan Ramadan tahun 1447H/2026M kepada pegawai wanita beragama Islam yang telah berkahwin. Waktu pulang yang dibenarkan adalah bermula **seawal pukul 3.00 petang**. Contoh pelaksanaan kemudahan ini adalah seperti berikut:

Waktu Bekerja Fleksi	
Waktu Masuk	Waktu Pulang
7.30 pagi	3.00 petang
8.00 pagi	3.30 petang
8.30 pagi	4.00 petang
9.00 pagi	4.30 petang

...2/

“SABAH MAJU JAYA”

**WAKTU BEKERJA DALAM BULAN RAMADAN TAHUN 1447H/2026M BAGI PEGAWAI
WANITA BERAGAMA ISLAM YANG TELAH BERKAHWIN**

Rujukan : JPAN 700-1/83 (22)

Tarikh : 16 FEB 2026

3. Walau bagaimanapun, pegawai boleh memilih waktu bekerja biasa sekiranya tidak mahu pulang lebih awal. Adalah diharapkan pengurangan masa bekerja sepanjang bulan Ramadan ini tidak akan menjejaskan aktiviti dan operasi penyampaian Perkhidmatan Awam Negeri.

4. Waktu bekerja dalam Surat Edaran ini dilaksanakan di semua agensi Kerajaan Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dan turut dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri, tertakluk kepada penerimaan pakai pihak berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



[DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP]

Setiausaha Kerajaan Negeri

“SABAH MAJU JAYA”